

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2  
62100 Putrajaya, Malaysia  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



KENYATAAN SURUHANJAYA TENAGA  
25 MAC 2025

## **Makluman Terkini Mengenai Penyesuaian Program Solar untuk Kegunaan Sendiri (*Solar for Self-Consumption - SELCO*) Termasuk Pelaksanaan Caj Tunggu Sedia (*Standby Charge*)**

**Putrajaya, 25 Mac 2025** – Kerajaan telah bersetuju supaya penyesuaian terhadap pelaksanaan Program Solar untuk Kegunaan Sendiri atau *Solar for Self-Consumption* (SELCO) dilaksanakan seperti berikut:

- (i) pelaksanaan syarat pemasangan sistem penstoran tenaga **dikecualikan sehingga 31 Disember 2025**;
- (ii) kapasiti pepasangan **di bawah 1MWp dikecualikan daripada caj tunggu sedia**;
- (iii) kapasiti pemasangan **melebihi 1MWp dikenakan caj tunggu sedia pada kadar RM12/kWp**; dan
- (iv) **institusi Pengajian Tinggi** yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan melakukan pepasangan melebihi 1MWp **dikecualikan daripada caj tunggu sedia dan syarat pemasangan sistem penstoran tenaga**;

Keputusan ini menggantikan keputusan pelaksanaan yang telah dimaklumkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada 31 Disember 2024. Bagi tujuan ini, ST akan mengemaskini Garis Panduan Solar Fotovoltaik Untuk Kegunaan Sendiri (SELCO) yang akan merangkumi penambahbaikan seperti yang telah diluluskan dan akan dimuat naik di dalam laman sesawang ST untuk rujukan semua pihak yang terlibat kelak.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi [media@st.gov.my](mailto:media@st.gov.my).**

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.